

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001**

**FEBRUARI/MAC 2001**

**RMT557 – PENGURUSAN PROJEK VI**

**MASA: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Kenalpasti dan bincangkan tanggungjawab seorang pengurus tapak yang sedang berkerja di :
  - i. Sebuah tapak tradisional,
  - ii. Sebuah tapak kontrak pengurusan,
  - iii. Sebuah tapak pengurusan binaan.

Dalam kes (ii) dan (iii) pengurus tapak boleh ditakrifkan sebagai seorang yang bertanggungjawab keatas aktiviti-aktiviti mengurus kontrak atau pengurusan binaan di tapak bina.

*Identify and discuss the duties of a site manager working on:*

- i. *a traditional site*
- ii. *a management contract site*
- iii. *a construction management site*

*In cases (ii) and (iii) the site manager may be defined as the person in charge of the managing contracting or construction management activities on site.*

( 25 MARKAH )



2. Kawalan bahan binaan telah menjadi ciri utama dalam operasi organisasi binaan. Apakah daya-daya yang telah menggalakkan penumpuan terhadap kawalan bahan?

Bagaimanakah organisasi binaan memastikan kawalan yang berkesan dapat di lakukan keatas pembelian dan penggunaan bahan binaan? Bincangkan.

*The control of construction materials has become the key characteristic in the organisation of construction operation. What are the forces that encourage the emphasis on the control of materials?*

*How construction organisations ensure that effective control can be carried out on the purchasing and utilisation of construction materials?*

( 25 MARKAH )

3. Firma anda baru mendapat satu kontrak membina dan menyiapkan satu sekim perumahan di kawasan bandar. Sebagai Pengurus Binaan firma tersebut, apakah perancangan anda sebelum memasuki tapak bina. Buat satu senarai aktiviti yang perlu bagi memulakan projek dengan baik. Nyatakan aktiviti manakah yang boleh di anggap utama serta kritikal dan mengapa?

*Your firm had just been awarded a contract of construction and completion of a housing scheme in an urban area. As a construction manager of the firm, what is your planning before taking over the site. Make a list of essential activities for a good project take off. Name the activities that can be considered as key and critical and why?*

( 25 MARKAH )



4. Sebuah syarikat binaan tidak mempunyai bahagian loji dan mesin binaan; setiap pengurus tapak bertanggungjawab tentang analisis keperluan loji serta mendapatkan loji-loji tersebut dari sumber-sumber tertentu. Walau bagaimanapun, dasar tersebut menghadapi masalah disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan loji, loji di terima lewat dan terdapat penurunan dalam kecekapan beberapa jenis loji untuk melakukan sesuatu kerja binaan.

Sebagai seorang pengurus tapak anda dikehendaki membuat laporan tentang keadaan semasa masalah serta kelemahan sistem sedia ada dan bercadang untuk memperkenalkan bahagian loji binaan untuk syarikat anda.

*A construction firm does not have a construction plant and machineries department; every site manager is responsible for the analysis of the need for plants and to get those plants from a specific source. However, the policy has encountered some problems due to difficulty in acquiring, late delivery and there has been a decline in the efficiency in some of plants.*

*As a site manager you are required to make report on the current problems and the weaknesses of present system and propose to introduce plant department in your company.*

( 25 MARKAH )

5. Tanggung jawab pengurusan tapak ialah untuk menyerahkan bangunan yang siap mengikut spesifikasi, dalam budget dan dalam tempoh masa yang dibenarkan. Nilai input-input yang di kehendaki dan proses yang diperlukan untuk mencapai tugas-tugas tersebut.

*The responsibility of a site manager is to deliver a completed building according to the specification, within budget and within stipulated time frame. Evaluate the required inputs and process for achieving the task.*

( 25 MARKAH )



6. Perancangan dan kawalan merupakan aktiviti utama pengurusan binaan. Apakah yang anda faham dengan perancangan dan kawalan dan kaitannya dengan aktiviti dan sumber binaan?

Terangkan bagaimana perancangan dan kawalan dilakukan terhadap sumber binaan di tapak.

Apakah perbezaan perancangan dan kawalan antara firma binaan yang mempunyai banyak projek di tangan dengan firma yang hanya mempunyai satu projek sahaja?

*Planning and control are the key activity of construction management. What do you understand by planning and control and its relevance to construction activities and its resources?*

*Explain how planning and control are carried out on the construction resources on site.*

*What are the differences in planning and control between construction firms that have many projects in hand to those with only one?*

( 25 MARKAH )

-oooOOOooo-

